

D.R. 16/2005

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.

Pindaan am

2. Akta Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [*Akta 585*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "Islamic law" dan "Islamic Law" di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam takrif "Administration Act" dalam subseksyen 3(1), dengan perkataan "*Hukum Syarak*".

Pindaan seksyen 22

3. Perenggan 22(*b*) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "cacat;" perkataan "atau".

Pindaan seksyen 34

4. Seksyen 34 Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris—
 - (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "Memorandum of appointment" dengan perkataan "*wakalah*"; dan
 - (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "memorandum of appointment" dengan perkataan "*wakalah*".

Pindaan seksyen 39

5. Seksyen 39 Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "memorandum of appointment" dengan perkataan "*wakalah*".

Pindaan seksyen 43

6. Seksyen 43 Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "memorandum of appointment" dengan perkataan "*wakalah*".

Pindaan seksyen 112

7. Perenggan 112(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "*Qadi*" dengan perkataan "Pendaftar".

Pindaan seksyen 150

8. Perenggan 150(2)(b) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "penghantarserahan khusus;" perkataan "atau".

Pindaan seksyen 151

9. Perenggan 151(1)(aa) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pengkomitan;" perkataan "atau".

Pindaan seksyen 167

10. Perenggan 161 (d) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "kos pelaksanaan itu;" perkataan "dan".

Pindaan Jadual Ketiga

11. Jadual Ketiga kepada Akta ibu dipinda, dalam teks bahasa Inggeris, dalam Borang MS 5—

- (a) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan "MEMORANDUM OF APPOINTMENT OF" dengan perkataan "*WAKALAH*"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "memorandum of appointment" dengan perkataan "wakalah".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta *Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 ("Akta 585")*.

- 2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
- 3. *Fasal 2, 4, 5, 6 dan 11* masing-masing bertujuan untuk menggantikan perkataan "Islamic Law" dan "memorandum of appointment" di mana-mana jua terdapat dalam teks bahasa Inggeris Akta 585 masing-masing dengan perkataan "*Hukum Syarak*" dan "*wakalah*" untuk menyeragamkan penggunaan istilah.
- 4. *Fasal 3, 8, 9 dan 10* masing-masing bertujuan untuk meminda perenggan 22(b), perenggan 150(2)(b), perenggan 151(1)(aa) dan perenggan 161(d) Akta 585. Pindaan-pindaan itu adalah pindaan gubalan.
- 5. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 112 Akta 585 untuk menggantikan perkataan "*Qadi*" dengan perkataan "Pendaftar".

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2415]